

14 MAY 2000

Mohamed Ali-Muzakarah

MUZAKARAH DENGAN PAS TIDAK DATANGKAN MANFAAT, KATA MOHAMED ALI

MELAKA, 14 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohamed Ali Rustam berkata tidak ada manfaat bagi Umno mengadakan muzakarah dengan PAS.

Anggota Majlis Tertinggi Umno itu berkata cadangan supaya Umno mengadakan muzakarah dengan PAS hanya akan menimbulkan suasana yang tidak baik.

"Pada pandangan saya muzakarah dengan PAS tidak akan mendatangkan manfaat dan tidak ada apa yang baik dapat diperolehi daripada muzakarah itu," katanya di sini hari ini.

Beliau bagaimanapun berkata cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengadakan muzakarah itu adalah ikhlas bagi menyatupadukan semula umat Islam yang berbalah berikutan perbezaan fahaman politik.

"Saranan Perdana Menteri adalah suatu yang baik yang menandakan seorang muslim yang mulia, walaupun PAS menuduh Umno kafir tetapi Perdana Menteri beranggapan mungkin satu hari, seseorang itu boleh berubah," katanya.

Beliau mengulas laporan akhbar semalam yang memetik Dr Mahathir sebagai berkata bahawa Umno sedia mengadakan muzakarah dengan PAS jika parti itu sanggup menerima keputusan, tidak bercakap bohong dan berfikiran terbuka.

Sementara itu, Mohamed Ali menyaran Biro Agama peringkat bahagian Umno negeri merancang dan melaksanakan aktiviti berkaitan keagamaan di masjid-masjid bagi menangani penyalahgunaan masjid oleh parti pembangkang di samping menjadikan institusi masjid sebagai pusat perpaduan umat Islam.

" Bagi menjayakan usaha itu, Umno Melaka akan melantik seorang pegawai Penyelia Agama bagi memantau program dan aktiviti yang dijalankan di semua masjid-masjid di negeri ini," katanya.

Beliau berkata pegawai berkenaan akan melaporkan terus kepada Umno Melaka mengenai aktiviti yang dijalankan di samping mendapat kerjasama biro agama di peringkat bahagian dan cawangan.

-- BERNAMA

MYD NAK